



PERSATUAN BANK-BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Peniaga rugi RM29,940 ditipu 'Inspektor Nasir'
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 5 January 2020

Language: Malay
Section: Negeri
Page: 37

Peniaga rugi RM29,940 ditipu 'Inspektor Nasir'



HAMDAN

KUALA TERENGGANU - Seorang peniaga di sini kerugian RM29,940 selepas terpedaya dengan sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai anggota polis kelmarin.

Mangsa seorang wanita berusia 40 tahun itu pada mulanya menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai Inspektor Nasir dan menyatakan akaun peribadinya telah digunakan untuk

jenayah pengubahan wang haram.

Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Terengganu, Deputy Superintendent Hamdan Zali berkata, suspek turut memaklumkan waran tangkap akan dikeluarkan kepada mangsa sekiranya enggan memberi kerjasama untuk proses siasatan.

"Mangsa kemudian diarahkan memindahkan semua wang ASB (Amanah Saham Bumiputera) ke dalam sebuah akaun bank milik-

nya dengan alasan untuk siasatan.

"Suspek juga mengarahkan mangsa memberi nombor pin kad ATM (pengeluaran wang automatik) bank selain meminta menghantar gambar kad ATM tersebut kepadanya dalam kadar segera sejurus membuat pemindahan wang berkenaan," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* semalam.

Hamdan berkata, akibat terlanju panik, mangsa terus mengikut segala arahan diberikan suspek.

"Mangsa menyedari dia ditipu sejurus mendapati semua duit yang dipindahkan sudah dikeluarkan oleh individu tidak dikenali hanya dalam tempoh sehari.

"Mangsa membuat laporan di Balai Polis Kuala Terengganu di sini semalam (kelmarin)," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu dan jika disabitkan kesalahan boleh dipenjarakan maksimum 10 tahun dan sebat serta denda.